



PERATURAN GOLF
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Royal & Ancient Golf Club of St Andrew (USGA) dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara Individu dan Berpasukan.

3.0 PENYERTAAN

Semua Kakitangan UiTM dan Tetamu (*guest*) layak menyertai pertandingan.

4.0 CARA PERMAINAN DAN PERATURAN (MODE OF PLAY AND RULES)

Pertandingan dijalankan mengikut format SYSTEM 36 Stableford Point

- 4.1 Pertandingan dijalankan sebanyak dua pusingan (2 hari) 36 lubang.
- 4.2 Kategori Individu, setiap kampus/cawangan boleh menghantar seberapa ramai peserta.
- 4.3 Kategori Berpasukan, setiap kampus/cawangan dibenarkan menghantar hanya dua pasukan sahaja.
- 4.4 Setiap pasukan hanya mempunyai empat orang pemain, dan hanya tiga score terbaik diambil kira.
- 4.5 Tee Off akan dijalankan secara *shotgun* bermula dengan bunyi siren panjang.

5.0 UNDIAN FLIGHT (FLIGHT DRAW)

- 5.1 Jawatankuasa Pengelola berkuasa penuh menentukan undian flight, pasangan dan tee box.
- 5.2 Undian Flight, pasangan dan tee box akan dikeluarkan sehari sebelum kejohanan bermula.

6.0 PERMAINAN PERLAHAN (SLOW PLAY)

Pemain hendaklah tidak terlalu perlahan supaya tidak mengganggu pemain lain dan bagi tujuan keselesaan semua pemain. Marshal akan membuat teguran jika pemain terlalu perlahan. Penalti akan dikenakan kepada pemain yang terlalu perlahan.

7.0 MASALAH CUACA

Jika berlaku masalah cuaca dan pertandingan tidak dapat dijalankan, pihak Jawatankuasa Pengelola akan membuat keputusan berikut:

- 7.1 Jika berlaku masalah cuaca di pusingan pertama dan pertandingan tidak dapat dijalankan, maka mata (pemenang) akan dikira pada hari kedua pertandingan.
- 7.2 Jika berlaku masalah cuaca di pusingan kedua dan pertandingan tidak dapat dijalankan maka mata (pemenang) akan dikira pada hari pertama pertandingan

8.0 PAKAIAN/KASUT/PENGESAHAN BOLA GOLF

Kesuaian pakaian dan kasut boleh dirujuk pada pihak Kelab. Bola golf hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum permainan dimulakan.

9.0 KELEWATAN

- 9.1 Pihak Pengangsur berhak menentukan tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap pemain yang datang lewat.
- 9.2 Tafsiran Lewat : Setelah siren dibunyikan bermulanya permainan.

10.0 PENENTUAN PEMENANG

- 10.1 Pemenang bagi setiap kategori ditentukan dari jumlah mata tertinggi bagi 36 lubang. Mata tertinggi (*stableford point*)
- 10.2 Jika seri, (OCB) dikira berdasarkan seperti berikut:
 - i. 18 lubang terakhir hari kedua.
 - ii. 9 lubang terakhir hari kedua
 - iii. 6 lubang terakhir hari kedua
 - iv. 3 lubang terakhir hari kedua
 - v. 1 lubang terakhir hari kedua
- 10.3 Jika masih seri, handicap tertinggi diambil kira sebagai pemenang.
- 10.4 Bagi kategori Berpasukan pemenang ditentukan oleh jumlah mata tertinggi keseluruhan (36 lubang) dari 3 pemain terbaik (2hari).
- 10.5 Jika seri kategori Berpasukan, (OCB) berdasarkan seperti para 10.2

11.0 HADIAH

- 11.1 Hadiah Utama.
 - i. Pertama, kedua, ketiga akan menerima medal dan setiap medal diberi mata.
 - ii. Pemenang kategori Tetamu (*guest*) tidak diambil kira dalam pengiraan mata
- 11.2 Novelties (Untuk 2 hari).
 - i. Nearest To Pin (NTP)
 - ii. Nearest To Line (NTL)
 - iii. Longest Drive (LD)
- 11.3 Hadiah tambahan akan ditentukan oleh pihak pengelola.

13.0 BANTAHAN

Sila Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

14.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk 15.0 Peraturan Am.

15.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Kakitangan UiTM (KARISTA) bersama Kelab Golf UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah MUKTAMAD.

*Dikemaskini pada 25hb. Julai 2022